



PERCUMA 29 Ogos - 5 September 2014, 3 - 10 Zulkaedah 1435



Faekah:  
Saya bukan  
'mastermind'

muka 6,7& 8

1,800 unit rumah  
mampu milik di  
Shah Alam

muka 3

Yayasan Selangor  
terus pacu  
kecemerlangan

muka 4& 5



Baginda berkenan tangguh peletakan jawatan Abdul Khalid

## DYMM Sultan Selangor minta lebih daripada dua nama calon

OLEH AFEEQA AFEERA

SHAH ALAM - DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj menitahkan supaya setiap pemimpin parti komponen dalam Pakatan Rakyat (PR) untuk mencadangkan lebih daripada dua nama sebagai calon Menteri Besar Selangor bagi memudahkan pemilihan dibuat.

Setakat berita ini ditulis, hanya PAS bersedia menurut perintah manakala PKR dan DAP menolak dan tetap mahu mencadangkan satu nama sahaja.

Titah yang dinyatakan dalam satu kenyataan rasmi oleh pihak Istana itu dimaklumkan oleh Setiausaha Sulit Tuanku Sultan, Datuk Mohamad Munir Bani selepas Tan Sri Abdul Khalid mengadakan pertemuan bersama Baginda di Istana Kayangan, 26 Ogos lalu.

lihat muka 2 >>



**TURUN PADANG...**

Datuk Bandar MBSA, Datuk Mohd Jaafar Mohd Atan dan kakitangan MBSA menyerahkan bendera kepada kenderaan yang lalu lalang di hadapan Wisma MBSA pada Majlis Penyerahan 'Jalur Gemilang' Sempena Sambutan Hari Kemerdekaan ke-57

**SAMBUTAN KEMERDEKAAN KE 57**  
**PERINGKAT NEGERI SELANGOR 2014**  
▶ 30 OGOS 2014 ▶ 8.30 MALAM  
▶ DATARAN KEMERDEKAAN SHAH ALAM  
"SELANGORKU SEJAHTERA RAKYAT TERBELA"  
*selangor.ku*  
SEMUA DIJEMPUT HADIR



## &lt;&lt; dari muka depan

"DYMM Sultan Selangor telah menitahkan agar setiap pemimpin parti PAS, PKR dan DAP mencadangkan lebih daripada dua nama daripada parti-parti dalam parti Pakatan Rakyat sebagai calon Menteri Besar Selangor bagi memudahkan DYMM Sultan Selangor untuk menentukan calon yang berkelayakan dan seterusnya memberi perkenan untuk melantik mana-mana calon yang difikirkan layak sebagai Menteri Besar," tegas surat itu, yang ditandatangani Setiausaha Sulit Kepada DYMM Sultan Selangor, Datuk Mohamad Munir Bani.

Pihak Istana turut menyampaikan titah itu secara tangan pada 27 Ogos lepas kepada parti-parti komponen Pakatan Rakyat. Tarikh akhir nama calon perlu diserahkan adalah pada 3 September depan.

"Sebagaimana yang diperuntukkan di bawah LI (1), Perkara LIII (2) (a), (4) dan LV (2) (a) Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959, DYMM Sultan Selangor telah diperuntukkan dengan kuasa budi bicara mutlak di dalam pelantikan seorang Menteri Besar bagi Kerajaan Negeri Selangor yang pada pendapat Baginda mungkin mendapat kepercayaan majoriti Ahli Dewan Negeri," menurut Munir lagi.

Keputusan itu adalah sejajar dengan konvensi yang telah diamalkan secara berterusan dalam pelantikan Menteri Besar Selangor sebelum ini.

Menjawab titah itu, PKR dan DAP dalam satu kenyataan bersama 26 Ogos lepas berkata mereka menjunjung titah tetapi hanya mahu Tuanku mempertimbangkan calon tunggal mereka untuk jawatan Menteri Besar.

"KEADILAN dan DAP menjunjung titah DYMM Tuanku Sultan Selangor itu dan akan mempersembahkan pencalonan Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail untuk dipertimbangkan DYMM Tuanku Sultan Selangor sejajar dengan konvensi yang diamalkan oleh Pakatan Rakyat dalam tahun 2013 memandangkan YB Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail sudah mendapat sokongan majoriti," kata kenyataan bersama dari Setiausaha Agung PKR Datuk Saifuddin Nasution dan Setiausaha Publisiti DAP Tony Pua.

Di pihak PAS pula, Setiausaha Agung PAS Datuk Mustafa Ali berkata, parti Islam itu menjunjung dan menghormati titah Tuanku.

"PAS hormati titah Tuanku dan kita akan menghantar tidak kurang dari dua nama," katanya, memetik laporan Harakahdaily.



## Tinjauan: Serah pada Istana, atau bubar

# Jangan serah kuasa sewenang-wenang

**SHAH ALAM** - Rakyat menaruh harapan yang tinggi ke atas kebijaksanaan DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah untuk mencari penyelesaian terbaik berhubung isu jawatan Menteri Besar Selangor.

Perkara itu diperoleh dalam satu tinjauan awam yang dilakukan Selangor Kini sekitar Bandaraya Shah Alam.

Daripada 30 orang awam yang ditemui, 22 memilih kaedah A, iaitu beri nama seperti mana yang dikehendaki Istana dan serah pada kebijaksanaan Tuanku.

"Berpolitik sepanjang masa sehingga Menteri Besar yang mempunyai rekod yang baik mahu diturunkan. Kini kita diheret dalam kemelut siapa Menteri Besar baharu. Bagaimana pula dengan untung nasib rakyat selepas ini?" soal Zalmi Hazriy, 39, yang ditemui di Pusat Perniagaan Worldwide, Seksyen 13.

Seorang pekerja swasta, Rushdi Arifin, 44, berkata calon Menteri Besar sewajarnya seorang yang mendapat perkenan Tuanku bagi memudahkan urustadbir negeri kelak.

"Kita berasa bimbang. Dimana silapnya sehingga negeri yang dipimpin oleh Khalid Ibrahim dilumpuhkan.

"Dalam hal ini, sudah tentu Tuanku Sultan mempunyai buah fikiran yang bernas dan terbaik untuk selesaikan perkara ini demi negeri dan rakyatnya," jelas anak jati Selangor itu.

Bagi Ariffin Badar, 44, beliau berharap kemelut ini dapat diselesaikan tanpa melukakan hati rakyat terbanyak.



Zalmi Hazriy



Rushdi Arifin

"Biar pun majoriti rakyat masih menyokong dan berpuas hati dengan kepimpinan sedia ada (Khalid Ibrahim), Pakatan Rakyat mengemukakan nama calonnya kepada Istana. Jadi, serahlah kepada Tuanku Sultan untuk memilih yang terbaik untuk negeri dan rakyatnya," katanya.

Manakala 8 lagi responden memilih kaedah C, iaitu membubarkan Dewan Negeri Selangor (DNS) untuk menyelesaikan isu secara muktamad.

"Rakyat diheret dalam krisis ini. Rakyat keliru kemana hala tuju kerajaan negeri sedia ada, berp politik sepanjang masa atau fokus kepada rakyat?"

"Hati rakyat Selangor juga perlu dijaga bila mana calon yang dicadangkan oleh Pakatan Rakyat itu bukan dari kalangan anak jati Selangor," kata pesara Muzamir Abdul Wahad, 57.

Beliau merupakan anak jati Selangor yang telah lama menetap di Kampung Baru, Kuala Lumpur.

Bagi Zamrul Rubir, 48 pula, beliau berpendapat rakyat akan berpuas hati sekiranya PRN dilakukan.

"Tukar MB mungkin suatu yang 'simple', tetapi 'effect'-



Zamrul Rubir



Ariffin Badar

nya besar. Sebab itu saya yakin tidak mustahil PRN perlu diadakan untuk selesaikan masalah ini," katanya.

Tiada yang memilih kaedah B, iaitu serah kuasa terus kepada calon pilihan parti politik.

## Lebih satu nama calon MB dicadang pada 2008, 2013

**SHAH ALAM** - Lebih daripada satu nama dicalonkan Pakatan Rakyat (PR) kepada istana untuk jawatan Menteri Besar Selangor selepas Pilihan Raya Umum (PRU) pada 2008 serta 2013 dan bukannya calon tunggal seperti didakwa.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, berkata terda-

pat permohonan calon lain selain dirinya yang dicadangkan PKR dan PAS dari masa ke masa selepas kedua-dua PRU itu berlangsung.

Sehubungan itu, katanya tindakan mencalonkan satu nama sahaja yang didakwa sejajar dengan konvensyen pencalonan Menteri Besar pada 2013 ter-

masuk mengambil maklum titah Sultan Selangor, tidak tepat.

"Saya tidak boleh buat sebarang kenyataan (berhubung pencalonan Menteri Besar) kerana itu terpulung kepada Pakatan, maka apa-apa kenyataan mengenai perkara ini akan dibuat pihak Istana.

"Ada permohonan lain dibuat

oleh PKR dan PAS pada 2008 dan 2013, laporan (satu nama sahaja) tidak dilaporkan secara tepat kerana lebih dari satu nama dihantar dari masa ke masa kepada Istana," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Exco baru-baru ini.

Dalam pada itu, Abdul Khalid berkata beliau tidak berhasrat

untuk mengemukakan cadangan membubarkan DUN Selangor sekiranya Sultan Selangor menolak cadangan nama yang dikemukakan PR kelak.

"Kita tunggu pelantikan Menteri Besar baharu kerana apabila Menteri Besar dilantik, isu pembubaran tidak timbul," katanya lagi.



## Kes denggi menurun pengawasan dipertingkatkan

**SHAH ALAM** - Kes demam denggi di Selangor mulai menurun dalam tempoh dua minggu berturut-turut meskipun negeri ini mencatat 33,564 kes dengan 51 kematian sehingga 23 Ogos lalu.

Exco Pendidikan, Pendidikan Tinggi dan Pembangunan Modal Insan, Dr Halimah Ali,

berkata berdasarkan data dikeluarkan Kementerian Kesihatan, Sabak Bernam mencatat kes paling rendah dengan tiada kematian diikuti Sepang dan Kuala Langat.

“Daerah Petaling masih mencatat jumlah kes tertinggi iaitu 14,637 diikuti dengan Hulu Langat sebanyak 7,186

kes,” katanya pada sidang media selepas Mesyuarat Exco, baru-baru ini.

Beliau berkata, setiap pihak berkuasa tempatan (PBT) kini giat menumpukan kepada usaha mendidik masyarakat terutamanya di peringkat sekolah melalui program penerangan dan kempen pencegahan.

Katanya, pelajar dijadikan agen perubahan bagi memberi kesedaran kepada masyarakat tentang langkah-langkah mencegah denggi supaya wabak ini tidak terus menular.

“Majlis Perbandaran Sepang (MPSp) menumpukan kepada pendidikan masyarakat dan mensasarkan pelajar sekolah

melalui program memberikan penerangan bagaimana menjaga kebersihan, kuiz dan hadiah insentif.

“Mereka turut memberi satu kit untuk pelajar berbentuk penanda buku yang mengandungi langkah-langkah menjaga kebersihan dan kempen mencegah denggi,” katanya lagi.

## 1,800 unit Rumah Mampu Milik dibina di Shah Alam

OLEH AFEEQA AFEERA

**SHAH ALAM** - Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) akan memulakan rangka kerja pembinaan 1,800 unit Rumah Mampu Milik di Shah Alam melibatkan kawasan Seksyen U1 Glenmarie dan Seksyen 35 dengan keluasan tanah sejumlah 24.7 ekar.

Exco Perumahan, Pengerus Binaan dan Peneroka Bandar, Iskandar Abdul Samad, berkata pembinaan Rumah Mampu Milik ini dijangka siap pada 2018 dan boleh dijual dengan harga antara RM200,000 hingga RM250,000 seunit.

LPHS turut memperolehi 11 lot tanah untuk dibangunkan Rumah Mampu Milik dengan keseluruhan keluasan lot tanah adalah 82.06 ekar. Antara lokasinya, Taman Bangi Indah (Kajang), Bandar Baru Kuala Selangor, Kampung Merbau Indah (Kuala Selangor), Ladang Air Manis (Sabak Bernam) dan Kampung Galung Tengah, Hulu Yam.

“LPHS juga beri taklimat

bahawa setakat Julai 2014, sebanyak 1,682 unit Rumah Mampu Milik sudah dibina berdasarkan Polisi Rumah Selangorku.

“Keseluruhannya Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) meluluskan 10,650 unit Rumah Mampu Milik,” katanya pada sidang media selepas Mesyuarat Exco, baru-baru ini.

LPHS turut menjalankan pemantauan pada setiap enam bulan bagi memastikan pemaju membina Rumah Mampu Milik terlebih dahulu atau beiringan dengan rumah harga bebas.

Katanya sekiranya pemaju gagal, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) terlibat boleh mengeluarkan arahan henti

kerja untuk menangguhkan keseluruhan pembina projek mereka.

“Ini adalah menunjukkan komitmen Kerajaan Selangor bagi memastikan Rumah Mampu Milik memenuhi keperluan rakyat berpendapatan rendah dan sederhana, sekaligus menggalakkan pemilikan rumah,” katanya.

Dalam pada itu, beliau turut memaklumkan kerja-kerja pembinaan 2,496 unit Fasa 1 projek Rumah Mampu Milik Selangorku di Sungai Sering, Hulu Klang sudah dimulakan dan berjalan lancar.



Menteri Besar bermesra dengan penjawat awam pada Majlis Perhimpunan Bulanan Jabatan Kerajaan Selangor

## Selangor pelaburan tertinggi sejak 2008

**SHAH ALAM** - Selangor terus mencatat peningkatan memberangsangkan dan sentiasa berada dalam kedudukan tiga teratas dari segi sektor pelaburan di Malaysia sejak 2008 hingga 2013, kata Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim.

Beliau berkata, sejumlah RM29.132 bilion direkodkan untuk pelaburan tempatan dan asing di mana sebanyak 137,766 peluang pekerjaan telah dicipta.

“Selangor merekodkan pelaburan kedua tertinggi di Malaysia dengan jumlah pelaburan sebanyak RM9.833 bilion pada tahun 2013 dan 228 projek diluluskan,” katanya pada Majlis Perhimpunan Bulanan Jabatan Kerajaan Selangor di Dewan Jubli Perak, baru-baru ini.

Dalam pada itu, Abdul Khalid berkata, kejayaan yang

dirangkul adalah hasil kerjasama dengan kakitangan awam, baik di peringkat atasan mahupun bawahan yang bergerak sebagai satu pasukan.

Beliau berkata sifat tidak mendahulukan kepentingan diri dan menganggap kerja sebagai satu ibadah perlu dijadikan pegangan supaya rakyat sentiasa mendapat perkhidmatan terbaik.

“Sejak saya dapat kepercayaan rakyat untuk menerajui tampuk kerajaan Selangor pada Mac 2008, saya berasa amat bernasib baik kerana diberi peluang untuk berkhidmat pada rakyat, negeri dan negara.

“Ini adalah kerana saya ingin meninggalkan legasi seperti apa yang telah saya lakukan ketika mengetuai Permodanan Nasional Berhad (PNB) dan kemudiannya Kumpulan Guthrie,” katanya.



Antara Rumah Mampu Milik yang siap dibina di Bangi dan Bukit Botak



## MB rela korbakan jawatan, institusi raja harus dihormati

Selepas rakyat disajikan kemelut berpang-



Selangorkini  
EDITORIAL

angan semata-mata bagi menukar Menteri Besar, peranan institusi istana menjadi penentu seterusnya memuktamadkan pengganti Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim.

Tidak seperti percakaran orang politik yang menyaksikan perang mulut, pemeccatan dan kebocoran print screen mesyuarat, suasana lebih tenteram apabila isu itu mula memasuki gerbang istana.

Malah, rakyat mulai menarik nafas lega apabila Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah tidak menitahkan pembubaran Dewan Negeri Selangor (DNS).

Jika DNS dibubar, pilihan raya negeri tidak dapat terpaksa dijalankan, sekaligus menyaksikan fasa baru 'perang' - kali ini membabitkan antara parti politik.

Namun, ia tidak berlaku.

Rakyat gembira dengan sikap cermat Baginda, sekaligus mengelakkan pengundi diheret ke pentas ceramah, kacau-bilau kempen politik seterusnya membuang undi.

Sultan Sharafuddin juga teliti dalam memilih bakal Menteri Besar, tidak tergesa-gesa membuat keputusan, bahkan menanggung hasrat Abdul Khalid yang

mengorbankan jawatannya bagi mengelakkan kemelut berlarutan, sehingga pengantinya diisytihar.

Kerana itu, Baginda mahu lebih banyak pilihan nama calon pengganti supaya kewibawaan mereka dapat dipertimbang dan dibuat perbandingan.

Lebih banyak nama tentunya memberi lebih pilihan kepada Baginda, selain dapat menghindar unsur 'pemaksaan' kepada institusi beraja di negeri ini.

Lebih-lebih lagi, ia sememangnya tradisi di Selangor sebelum Pakatan Rakyat (PR) mengambil alih tampuk pemerintahan pada 2008.

Maka, wajarlah lebih banyak nama calon dibentangkan kepada Baginda.

Ia juga dapat menghapus tanggapan melulu kononnya pembangkang tidak mesra dengan institusi beraja apabila menunjukkan ketertiban dan pematuhan terhadap Baginda dalam isu ini.

Kita bimbang - ketika kemelut ini mulai kendur dan menunjukkan tanda-tanda berakhir dengan tenang, Baginda terpaksa memilih pembubaran dewan sebagai jalan terakhir.

*Ketua Pengarang*

## Demi kemajuan pendidikan di Selangor

# Yayasan Selangor terus pacu kecemerlangan

KECEMERLANGAN dalam pendidikan menjadi fokus utama Yayasan Selangor (YS) ke arah menjadi satu organisasi yang berjaya di Selangor. Dengan pencapaian lalu membanggakan, YS terus berusaha membantu menaja pelajar anak Selangor demi melahirkan modal insan berkualiti yang mampu menyumbang ke arah kemajuan negeri khususnya dan negara amnya. Selangorkini berpeluang mewawancarai Pengurus Besar YS yang baru, Ismail Idris. Wartawan Selangorkini, Hafizan Taib melaporkan.

### Sebagai Pengurus Besar yang baharu, apa pandangan tuan terhadap YS dan apakah misi ke arah pembaharuan yayasan ini?

YS ibarat kapal yang sudah bersedia dengan anak kapalnya, namun tanpa nakhoda. Bila saya menyertainya, saya kena pastikan warga kerjanya sudah bersedia dengan perlu bertindak profesional dengan perubahan cara berfikir demi kebaikan bersama. Saya akan beri fokus supaya YS berada di tahap membanggakan dari segi kemampuan, kredibiliti, kapasiti, kualiti dan yang lain.

Sebelum ini saya berkhidmat dalam sektor korporat dan tidak pernah di sektor awam, maka saya perlu menyesuaikan

diri dengan keadaan baru ini. Perbezaan saya ialah pengalaman dan kepakaran saya untuk mengabungkan semua tenaga kerja supaya mampu bekerja sebagai satu pasukan dengan haluan sama demi mencapai kejayaan.

Jika di sektor korporat ia banyak kepada menjana keuntungan, tetapi YS 'business model'nya berbeza iaitu pendidikan. Dengan peruntukan tidak disalurkan Kerajaan Negeri, YS perlu mencari sumber kewangan sendiri menerusi antaranya hasil sewaan bangunan, rumah kedai dan hasil pertanian seperti kelapa sawit serta sebagainya.

Itulah yang kita salurkan kepada anak-anak Selangor yang layak menerima kemudahan itu.

### Sesuai dengan motto 'Merakyatkan Pendidikan Selangor', bagi memacu keunggulan YS, apakah penambahbaikan dan perancangan diatur ke arah mencapai tahap kecemerlangan itu?

Bagi perancangan masa depan, dari segi aset yayasan seperti projek di Bukit Bintang, Kampung Pandan, Shah Alam, Klang, kita akan gerakkan pembangunannya sendiri, selain pembangunan tanah pertanian hak milik Yayasan Selangor supaya ia menjadi produktif. Dari situ kita akan berusaha menambah sumber pendapatan supaya mampu melaksanakan pelbagai perancangan seperti menambah bilangan pelajar

## Selangor Kini

### SIDANG PENGARANG

**PENASIHAT:** Faekah Husin  
Arfa' eza Abdul Aziz

**KETUA PENGARANG:** Fazallah Pit

**PENGARANG BERITA:** Hafizh Mokhtar **PEMBANTU PENGARANG:** Rusidah Salim

**WARTAWAN:** Afeeqa Afeera: afeeqa\_afeera@yahoo.com,

Hafizan Taib: hafiztaib@yahoo.com, Naeem Raffi: naeemraffi85@gmail.com,

Afix Redzuan: afixredzuan@gmail.com, Lizawati Madfa: lizalyn84@gmail.com,

Norhayati Umor: chayunkyatt@gmail.com, Nazli Ibrahim: nazliibrahim@gmail.com,

Norfarahidayu Baharudin: ayu\_tvs@yahoo.com

**JURUGAMBAR:** Raheemie Arifin, Shuaib Ayob & Asri Sapfie

**GRAFIK & REKA LETAK:** Unit Grafik CCSB

Aras 2, Carlton Holiday Hotel & Suites, No 1, Persiaran, Akuatik 13/43,

Seksyen 13, 40100, Shah Alam, Selangor

Tel : 03-5523 4856 Faks : 03-5523 5856 Emel: news Selangorkini@gmail.com



Pelajar tajaan Yayasan Selangor bukan sekadar cemerlang dalam akademik malah kokurikulum juga





**Prestasi pelajar Yayasan Selangor sentiasa berada di tahap membanggakan**

ditaja dan yang lain.

Konsep 'Merakyatkan Pendidikan Selangor' iaitu kita memberi kemudahan kepada pelajar di semua daerah dan zon di Selangor, maka kita akan menaja lebih ramai pelajar dari banyak jenis sekolah termasuk sekolah agama dan maahad tahfiz.

Yang menarik dengan pelajar tajaan YS, mereka terdiri daripada pelajar jenis sekolah harian yang pelbagai, di mana sebahagiannya menetap di asrama yaysan, manakala selebihnya tinggal bersama keluarga masing-masing.

Kita nak pastikan anak-anak Selangor ini dapat merasai pembelaan sewajarnya. Semua pelajar tajaan YS sama ada di asrama atau tidak, sentiasa dipantau prestasinya supaya mampu capai tahap pencapaian ditetapkan.

YS turut bekerjasama dengan Jabatan Pelajaran Selangor dan Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) bagi tujuan itu. YS juga sudah banyak melahirkan golongan tenaga profesional yang berjaya dalam bidang masing-masing.

Memang ramai alumni yaysan yang boleh dibanggakan contohnya ada menjadi ahli politik, arkitek, doktor, pensyarah, ahli perniagaan dan sebagainya selain pegawai polis dan tentera berpangkat tinggi. Antara yang boleh dinyatakan ialah Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Sementa, Dr Daroyah Alwi dan

Prinsipal RSP Architects Sdn Bhd, Ar Hud Abu Bakar.

**YS pernah dilanda kontroversi antaranya berkaitan asrama, bagaimana tuan melihat isu ini dan apa langkah yang akan diambil jika berbangkit isu lain selepas ini?**

Penutupan asrama itu bagi Yayasan Selangor ialah 'masing in discuss'. Ini kerana penutupan itu kita dapat menukar peluang untuk yaysan membangunkan kawasan di Kampung Pandan itu bagi yaysan menjana pendapatan. Sekiranya berlaku kontroversi lain pada masa depan, kita akan menanganinya secara berhemah dan mengatasi dari sudut positif.

**YS menetapkan sasaran penambahan pelajar seramai 5,500 orang pada Jun lalu selepas mencatat jumlah 5,000 pada akhir tahun lalu. Adakah sasaran itu dicapai dan bagaimana seterusnya?**

Pada tahun lalu kita capai tahap 5,000 pelajar dan kini kita tetapkan tambahan 500 orang yang dijangka dicapai pada Oktober depan. Dengan bilangan sebanyak ini, kita berjaya menaja pelajar dari semua daerah di Selangor. Bukan sahaja sasaran itu, kita juga fokus kepada sumber iaitu

pelajar tingkatan satu hingga lima ini dididik dari segi pembangunan karektor.

Segala kemudahan disediakan di YS untuk kegunaan semua pelajar ditaja. Bukan setakat asrama, kita juga menyediakan kemudahan lain contohnya Kem Bina Semangat di Ampang Pecah, Kuala Kubu Bharu yang kita gunakan untuk membantu pelajar menjalankan pelbagai aktiviti berguna serta membentuk jati diri. Yayasan bukan sekadar membantu dari segi peruntukan kewangan tetapi juga faktor lain yang membina.

**Pengurus Besar sebelum ini pernah mengakui kedudukan kewangan YS agak lemah, apakah langkah diambil bagi mengatasinya?**

Dalam perkara ini, kita akan berusaha mengatasinya secara berperingkat supaya misi membela nasib anak-anak Selangor dapat dijayakan. Sasaran ditetapkan diyakini mampu dicapai ke arah penambahan sumber pendapatan serta

pengukuhkan kewangan YS.

Dengan segala aset dan bangunan dimiliki sekiranya semua berjaya digunakan secara total, kita mampu mendapat pulangan hasil melebihi RM12 juta setahun. Selain itu kita juga mendapat sumbangan daripada pihak tertentu disalurkan ke Tabung Amal Jariah yang boleh digunakan bagi tujuan sama. Dari masa ke semasa kita akan turut berusaha meneroka bidang baharu untuk meningkatkan pendapatan.

**YS dilihat tidak mesra dengan kurang menghebahkankemudahan disediakan kepada umum. Contohnya biasiswa, adakah yaysan menawarkan biasiswa kepada pelajar bukan tajaan selain pelajar di institusi pengajian tinggi?**

Dari segi promosi dan pengiklanan, kita ada menghebahkan melalui laman sesawang YS (<http://www.yayanselangor.org.my/>) dan media. Mengikut prosedur untuk memohon menjadi pelajar tajaan yaysan, ia biasanya dihebahkan selepas keputusan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) diumumkan setiap tahun.

Ini termasuk mereka yang dicadangkan Jabatan Pelaja-

ran Selangor dan Jais. Dari segi dasar YS ditugaskan menaja pelajar dari Tingkatan Satu hingga Lima. Itu fokus ditetapkan Kerajaan Negeri. Dengan tumpuan itu kita melihat peningkatan jumlah kepada lebih 5,000 pelajar ketika ini berbanding sebelumnya.

Dulu kita ada menaja pelajar institusi pengajian tinggi. Sekarang ia ditukar Kerajaan Negeri dengan agensi lain memainkan peranan itu.

**Isu rasuah pernah dikaitkan dengan salah seorang pegawai YS, apakah langkah dan perancangan tuan demi memastikan amalan berkaitan tidak berulang dan yaysan bebas rasuah?**

Memang benar ia pernah berlaku dan pegawai itu telah diberhentikan. Bertitik tolak dari situ, YS bertindak tegas supaya tidak berulang. Sekarang kita sudah wujudkan Unit Integriti dan Audit yang bermula pada tahun lalu. Yayasan Selangor adalah antara organisasi terawal mempunyai unit ini. Sistem dokumentasi juga akan diperkemas mengikut peraturan dan undang-undang. Secara peribadi saya harap perkara ini dapat diatasi.

“

**Konsep 'Merakyatkan Pendidikan Selangor' iaitu kita memberi kemudahan kepada pelajar di semua daerah dan zon di Selangor**





# Faekah: Saya bukan 'mastermind'

**Ketua Pegawai Eksekutif Pemerbadanan Menteri Besar (MBI) Faekah Husin dilihat sebagai watak penting dalam pencaturan politik Menteri Besar Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, sehinggakan musuh politiknya melaksanakan kempen khusus untuk menjatuhkan Faekah. Media berkesempatan menemubual beliau bagi merungkai kemelut perebutan jawatan Menteri Besar Selangor.**

**Apakah sebenarnya berlaku dalam krisis MB Selangor ini?**

Jika saya boleh rumuskan secara ringkas, krisis ini tercipta apabila Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim (TSKI) dipaksa melepaskan jawatan sebagai Menteri Besar tanpa sebarang sebab munasabah dan hanya lebih setahun selepas Pakatan Rakyat yang diterajui oleh TSKI di Selangor menang besar, lebih 3/4 kerusi DUN pada PRU13.

**Bagaimana dengan pemecatan MB Selangor sebagai ahli PKR, adakah saudari merasakan ini taktik kotor parti selepas MB enggan meletakkan jawatan?**

Memecat keanggotaan seseorang daripada mana-mana parti politik adalah hak parti. Persoalannya adakah pemecatan tersebut telah melalui "due process" berlunaskan prinsip-prinsip "common sense" dan "natural justice" yang sememangnya hak setiap insan. Sekiranya "due process" tidak dihormati, agak sukar untuk dinafikan terdapat unsur-unsur berniat jahat. Saya tidak mahu mengulas panjang kerana TSKI telahpun menghantar surat kepada Pendaftar Pertubuhan untuk dilakukan siasatan berkenaan pemecatan ini. Biarlah Pendaftar menyiasat dengan telus dan bebas.

**Saudari pernah bekerja dengan Datuk Seri Wan Azizah (DSWA), bagaimana dengan personaliti beliau dan dalam isu ini adakah anda percaya DSWA bakal dibayangi Datuk Seri Anwar Ibrahim (DSAI) dan menjadi boneka suaminya?**

Saya memilih untuk tidak menjawab soalan ini. Amat tidak adil bagi kami berdua kerana hubungan kami lebih kepada antara seorang sahabat

dengan sahabat yang lain bukan antara majikan dan pekerja.

**Apakah sebenarnya janji DSAI kepada TSKI dalam isu jawatan Menteri Besar serta janji Langkah Kajang?**

Secara jujur saya langsung tidak mengetahui sebarang butir-an perbincangan antara DSAI dengan TSKI khusus berkenaan Langkah Kajang. Perkara ini tidak dibincangkan dengan saya mahupun pegawai lain di SUK.

**Bagaimana DSAI memainkan peranannya dalam pentadbiran TSKI terutama selepas beliau dilantik menjadi Penasihat Ekonomi Selangor?**

Matlamat asal pelantikan DSAI sebagai Penasihat Ekonomi Selangor adalah untuk memanfaatkan sebaik mungkin kepakaran, pengalaman dan keupayaan beliau dalam pelbagai bidang terutama berkaitan ekonomi seperti pelaburan, perdagangan antarabangsa dan kewangan.

**Apakah alasan yang diberikan PKR untuk menyuruh**

**Jika saya boleh rumuskan secara ringkas, krisis ini tercipta apabila TSKI dipaksa melepaskan jawatan sebagai Menteri Besar tanpa sebarang sebab munasabah dan hanya lebih setahun selepas Pakatan Rakyat yang diterajui oleh TSKI di Selangor menang besar, lebih 3/4 kerusi DUN pada PRU13**

**TSKI berundur sebagai Menteri Besar? Apa yang mereka mahukan?**

Fakta terpesong dan dakwaan tidak berasas menghampiri fitnah yang dijadikan alasan menggesa TSKI meletak jawatan terkandung dalam:

- Surat bertarikh 4 Ogos 2014 mengenai pencalonan DSWA



sebagai Menteri Besar kepada PAS beserta kertas "Keputusan Menggantikan Menteri Besar Selangor"

- Surat tunjuk sebab daripada PKR kepada TSKI bertarikh 5 Ogos 2014 yang menyatakan bahawa pada 15 Januari dan 21 Julai 2014 Pimpinan Pusat telah memutuskan bahawa menteri Besar Selangor hendaklah digantikan dengan DSWA. Tetapi pada 22 Julai 2014 TSKI telah mengeluarkan kenyataan bahawa beliau tidak akan me-

letakkan jawatan selagi proses dan tatacara pelantikan MB dilaksanakan secara teratur dan tertib.

- Surat Jawapan kepada Notis Tunjuk Sebab; memberi penjelasan daripada TSKI kepada PKR bertarikh 6 Ogos 2014.

- Surat Balasan Kepada Jawa-

tan Surat Tunjuk Sebab dari PKR kepada TSKI bertarikh 7 Ogos 2014.

- Surat memanggil sesi Pendengaran bertarikh 8 Ogos 2014 dari PKR kepada TSKI.

- Surat pemecatan keanggotaan TSKI sebagai anggota daripada PKR kepada TSKI bertarikh 9 Ogos 2014.

**Berdasarkan perkembangan semasa, sudah ada sokongan daripada parti PAS yang mengikut PKR dan DAP untuk menyingkirkan TSKI sedangkan PAS pusat masih mahukan TSKI?**

Agak jelas bahawa hampir seluruh kepimpinan PAS sama ada di peringkat pusat atau negeri Selangor telah menyatakan sokongan terbuka kepada TSKI terutama Mursyidul Am, Majlis Syura, Presiden dan Pesuruhjaya Selangor meskipun tidak dapat dinafikan ada segelintir yang bersetuju dengan cadangan PKR dan DAP.

**Apakah janji parti kepada TSKI ketika mereka menamakan semula beliau sebagai Menteri Besar selepas pilihan raya umum yang**

**lalu. Adakah TSKI mungkir janji atau DSAI dan PKR kurang senang dengan tindak tanduk beliau?**

Saya tiada pengetahuan berkenaan janji yang dimaksudkan. Namun apa yang penting janji TSKI kepada rakyat Selangor bahawa kerajaan pimpinan TSKI akan meneruskan corak pentadbiran dengan konsep Merakyatkan Ekonomi Selangor dan Hasil Negeri Untuk Rakyat. Ini termasuk menyelesaikan isu penstrukturan industri air di Selangor dengan mengembalikannya kepada rakyat Selangor. Malah telah terdapat "strategic plan" untuk membolehkan semua rakyat Selangor yang membayar bill air memperoleh saham di dalam syarikat air yang akan dimiliki sepenuhnya kerajaan negeri.

**Benarkah dakwaan yang menyatakan Cik sebenarnya "Mastermind" TSKI dan mengapa saudari?**

Saya amat terharu dengan dakwaan oleh sesetengah pihak yang kononnya sayalah "mastermind" bagi semua langkah dan gerak politik TSKI. Saya anggap ianya satu pujian dan antara penghormatan terbesar dalam karier politik saya!

bersambung >>

Hakikatnya, kami sentiasa bekerja secara berpasukan tanpa seseorang individu pun boleh mengambil kredit. Dasar kami adalah memberi perkhidmatan terbaik kepada rakyat berdasarkan lunas-lunas Islam dan prinsip-prinsip Rukun Negara.

Dan yang paling utama ialah, jangan memperkecil kemampuan TSKI. Dia adalah individu Melayu yang mengetuai gerakan "Dawn Raid" ke atas Guthrie pada masa kebanyakan kita masih di bangku sekolah dahulu.

### Bagaimana saudara melihat isu ini dikaitkan dengan teori "badi MB Selangor" yang "dijatuhkan" dengan pelbagai isu?

Oh... MB Selangor ada badi ke? Kalau benar ada, hairan juga mengapa ramai sangat yang berminat dengan jawatan tersebut. Apa-apapun saya bukanlah se-seorang yang mahir mahupun peduli sangat dengan hal-hal sedemikian.

Namun apa yang nyata, Selangor adalah negeri terkaya di Malaysia, apatah lagi dengan corak bersih, berhemah dan menjaga kepentingan rakyat pimpinan TSKI, maka Selangor telah bukan sahaja menjadi nadi pertumbuhan ekonomi Negara malah telah berjaya mengumpul wang rizab berjumlah lebih RM3,000 juta. Agaknya itulah punca badi tersebut. ha ha ha ..

### Adakah saudara percaya yang rakyat akan menyokong TSKI berdasarkan atas apa yang telah dilakukan.

Seperti yang saya katakan tadi sejak 2008 rakyat Selangor berpeluang mendapat seorang MB yang tidak berpolitik dalam menjalankan pentadbiran negeri. Semua hasil negeri diagih secara adil tanpa melihat kaum, agama hatta pegangan ideologi politik. Sebagai contoh, hak mendapat air percuma 20 meter padu diberikan kepada semua rakyat.

Begitu juga Skim Khairat Kematian RM2500 seorang yang berumur lebih 60 tahun. Pentadbiran ini tidak memilih-pilih penerima samada mereka adalah pengundi ataupun tidak, siapa yang mereka undi pada PRU yang lalu dan sebagainya. Tiada juga borang keahlian mana-mana parti diedarkan bersesama borang permohonan peruntukan.

Pasti rakyat selesa dengan corak pentadbiran professional sebegitu. Saya ya-

## Jadual 1 Status Terkini Program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) sehingga 31 Disember 2013

PROGRAM	AGENSI	JUMLAH KESELURUHAN	
		PENERIMA FAEDAH	PERBELANJAAN
Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS)	Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS)	123,301	10,500,000
Hadiah Anak Masuk Universiti	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	39,356	39,356,000
Skim Mesra Usia Emas	Rangkaian Mesra Sdn. Bhd. (RMSB)	45,670	109,220,500
Tabung Pendidikan Anak-Anak Pekerja Ladang	Seksyen Sektor, UPEN	11,406	7,684,695
Bekalan Air Percuma Bagi 20 Meter Padu (M <sup>3</sup> )	Kerajaan Negeri Selangor	1,368,119	774,470,053
Skim Mikrokredit Selangor (SkimSel)	Yayasan Dar Al Qard Al Hasan Selangor	8,786	67,355,500
Skim Mikrokredit Wanita Ladang (WALA)	Pejabat YB Puan Rodziah binti Ismail	512	153,153
Skim Kesihatan Wanita (MammoSEL)	Rangkaian Mesra Sdn. Bhd. (RMSB)	18,545	1,790,320
Skim Mikrokredit Miskin Bandar (MiMBAR)	Yayasan Dar Al Qard Al Hasan Selangor	5,732	11,463,200
Insentif Perkahwinan Belia	Seksyen Sektor, UPEN	3,659	363,000
Pusat Tuisyen Rakyat	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	22,310	15,013,545
Pusat Dialisis Rakyat	Rangkaian Mesra Sdn. Bhd. (RMSB)	91	-
Skim Bantuan Asuhan Rakyat (Si KEMBAR)	Rangkaian Mesra Sdn. Bhd. (RMSB)	551	368,300
Skim Bantuan Tadika (TUNAS)	Rangkaian Mesra Sdn. Bhd. (RMSB)	4,468	1,708,577
Cuti Bersalin 90 Hari	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	30	-
Cuti Suami Yang Isterinya Bersalin Selama 14 Hari	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	1	-
Cuti Kematian Suami Selama 30 Hari	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	1	-
Jom Shopping (Warga emas + ibu tunggal)	Rangkaian Mesra Sdn. Bhd. (RMSB)	103,023	10,302,300
Pusat Khidmat Krisis Sehati (OSCC)	Seksyen Sektor, UPEN		
		<b>ROYALTI DIBAYAR KEPADA KERAJAAN</b>	
Program Peningkatan Hasil daripada Bahan Batuan & Mineral	Pejabat Tanah dan Galian Selangor		64,670,317
		<b>JUMLAH</b>	<b>1,755,561</b>
			<b>1,049,749,144</b>

\*Jumlah Penerima Faedah Program Bekalan Air Percuma Bagi 20 Meter Padu adalah merupakan bilangan pengguna meter individu

\*Maklumat-maklumat tersebut diperolehi daripada agensi pengendali MES seperti yang disenaraikan.

### Sepertimana bagi majoriti masyarakat Malaysia, punca utama yang sebenar masih menjadi teka-teki kepada kami. Hanya mereka yang tahu jawapannya.

kin kerana itu juga rakyat memberikan mandat yang lebih besar kepada Pakatan Rakyat semasa PRU13 yang lalu. Tambahan pula slogan kita ketika itu adalah "Meneruskan Kecemerlangan". (Lihat jadual 1&2)

Menyentuh keadaan semasa dan melihat bagaimana tiba-tiba TSKI cuba digambarkan seorang manusia yang sangat berbeza ketika 2013 yang lalu, saya berpandangan secara umumnya, perjuangan umat melibatkan tentangan terhadap kezaliman dan penindasan serta usaha menegakkan keadilan dan kebenaran.

Mangsa yang difitnah, dianiaya dan diaibkan harus diberi pembelaan yang sewajarnya tanpa mengira latar belakang, warna kulit, agama, pangkat,

kekayaan dan sebagainya. Jelas, ini semua nilai-nilai sejagat yang secara dasarnya menjadi dokongan dan pegangan rakyat.

Memandangkan apa yang dilalui TSKI sejak sekian lama terutama selepas Langkah Kajang, InsyaAllah, saya yakin lebih ramai rakyat yang sedar dan faham duduk perkara sebenar dan akan memberi sokongan kepada TSKI dalam pelbagai bentuk sama ada secara terang-terangan atau dalam diam.

### Apa sebenarnya punca utama TSKI dipecat untuk digantikan dengan DSWA?

Sepertimana bagi majoriti masyarakat Malaysia, punca utama yang sebenar masih menjadi teka-teki kepada kami. Hanya mereka yang tahu jawapannya.

Adakah selama ini TSKI tidak memberi peluang kepada DSAI untuk campurtangan dalam hal ehwal Selangor dan diketepikan dan dalam kata lain TSKI sukar dikawal.

Saya rasa ramai yang bersetuju dengan pendapat bahawa demi menjunjung prinsip urus tadbir yang baik yang berbeza dengan zaman Barisan Nasional, hal-ehwal pentadbiran negeri sepatutnya perlu bebas daripada

bersambung ke muka 8>>

## Jadual 2 Pencapaian Tender Negeri (2011 - 30 April 2014)

Tahun	Bil Tender	Anggaran Jabatan (RM)	Jumlah Perolehan(RM)	Jumlah Penjimatan (RM)	Peratus Penjimatan (%)
2011	65	390,790,112.83	279,449,760.57	111,340,352.26	28.5
2012	74	588,645,064.25	478,434,189.57	110,221,324.67	18.7
2013	63	392,463,794.71	324,130,967.90	68,332,826.81	17.4
2014 (30 Apr)	25	180,048,469.87	166,349,681.97	13,698,787.90	7.61
<b>JUMLAH</b>	<b>227</b>	<b>1,551,947,441.66</b>	<b>1,248,364,600.01</b>	<b>303,593,291.64</b>	<b>19.0</b>





<< dari muka 7

da pengaruh politik melampau. Meskipun demikian selain dari mempunyai barisan Exco dari PKR, PAS dan DAP dalam pentadbiran TSKI yang barang pasti bertujuan juga untuk membawa aspirasi parti masing-masing, pimpinan lain malah rakyat biasa boleh memberi cadangan atau kritikan membina ke arah penambahbaikan menerusi saluran dan mekanisme yang betul.

Ini telah dilakukan apabila kerajaan negeri menjemput semua pimpinan Ahli Parlimen, Adun, Ahli Majlis, Penghulu, Ketua Kampung dan Ketua Komuniti untuk turut serta di dalam Dialog Pembentangan Belanjawan Negeri.

Tujuannya adalah untuk sama-sama merangka bagaimana hasil di Selangor harus dan patut dibelanjakan.

### **Kenapa DSAI dan PKR begitu marah dan benci kepada MB. Agenda tersembunyi atau ada isu lain?**

Saya bukanlah orang yang terbaik untuk menjawab soalan ini. Tambahan pula saya sendiri seperti terpaku apabila melihat situasi yang berlaku hari ini.



**Sehingga kini TSKI nampak begitu tenang. Adakah saudara merasakan beliau akan melakukan apa sahaja untuk pertahankan diri termasuk menyertai parti lain.**

Mana-mana manusia yang mempunyai akal, harga diri dan maruah akan melakukan perkara yang sama seperti TSKI. Dari seorang yang dikatakan telah menjadi model pemimpin kepada pemerintahan Pakatan Rakyat,

tiba-tiba digambarkan sebagai manusia yang buruk sekali. Cara memburukkan beliau tidak jauh bezanya dengan cara ketika krisis UMNO pada 1998 dahulu. Bezanya ianya tidak melibatkan seks ataupun skandal, namun "dossier" yang dikeluarkan oleh PKR sebagai alasan untuk menjadikan pemecatan TSKI sebagai sah dan halal, agak mirip dengan "50 Dalil" yang dikeluarkan UMNO ketika itu.

**TSKI sudah beberapa kali menyatakan bahawa pelantikan MB dan pemecatan MB hendaklah dilakukan secara teratur tertib dan berhemah. Pelantikan MB tidak dilakukan di tepi jalan atau di dalam hotel mewah. MB Selangor dilantik menurut peruntukan di dalam Undang-Undang Tubuh Selangor. Di sana dinyatakan dengan jelas tatacara, proses adab dan adatnya.**

TSKI tiada pilihan selain terus tegak untuk membersihkan nama baik beliau. Menyentuh pendirian TSKI yang kini cuba digambarkan kononnya beliau dalam apa cara sekalipun mahu mempertahankan jawatan MB, itu adalah gambaran jahat.

Tidak tepat mengatakan TSKI sebegitu kerana TSKI sudah beberapa kali menyatakan bahawa pelantikan MB dan pemecatan MB hendaklah di-

lakukan secara teratur tertib dan berhemah. Pelantikan MB tidak dilakukan di tepi jalan atau di dalam hotel mewah. MB Selangor dilantik menurut peruntukan di dalam Undang-Undang Tubuh Selangor. Di sana dinyatakan dengan jelas tatacara, proses adab dan adatnya.

Cuba bayangkan jika TSKI menurut perintah PKR dan meletakkan jawatan MB seperti yang diputuskan mereka pada 21 Julai yang lalu. Pada ketika itu, seluruh barisan Exco akan gugur dan Selangor tidak mempunyai Pihak Berkuasa Negeri.

Sehingga hari ini, PKR PAS dan DAP masih gagal mencapai konsensus siapakah calon yang akan menggantikan TSKI sebagai MB. Itu belum lagi mendapat perkenan DYMM Sultan Selangor. Proses akan mengambil tidak kurang dari 3-4 minggu. Situasi di Selangor akan bertambah carca merba tanpa Pihak Berkuasa Negeri.

TSKI cuba menyelamatkan negeri dari bertambah kacau sebaliknya pula beliau dituduh gila kuasa. Kerana itu juga beliau dipecat dari PKR kononnya melanggar keputusan parti.

**SGCHUA INDUSTRIAL PARK @KAJANG**

Luas Lantai dari 7600 kaki persegi, lif barangan (1 tan)

Untuk sebarang pertanyaan, Sila hubungi:  
**T.C. Choong 012-689 0866**

**PENAJU**  
 Orchard Circle Sdn Bhd (730097-X)  
 No 88-1, Jalan Sungai Besi, 57100, Kuala Lumpur.  
 T: 03-9222 2550

**PEJABAT JUALAN DAN UNIT PAMESAN**  
 No.8-G, Jalan Putra 5, Taman Putra Kajang,  
 Selangor.  
 T: 03-8740 4864





▲ Exco Belia dan Sukan; Infrastruktur dan Kemudahan Awam Dr Yunus Hairi menyampaikan Sijil Premium BSN RM500 kepada Wong Mei Kee dan Ng Kok Wei yang berjaya dalam Program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) - Program Insentif Perkahwinan Belia di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor



▶ Juara Pertandingan Memancing GP Selangor, menerima RM15,000 yang disampaikan Adun Bangi, Shafie Ngah di Taman Tasik Cempaka. Hadir sama Yang Dipertua MPKj, Datuk Hasan Nawawi Abd Rahman



▲ Adun Pelabuhan Klang, Dr Halimah Ali meraikan bakal jemaah haji kariah Masjid Darul Muttaqin, Sungai Udang



▶ Adun Meru, Dr Abd Rani Osman berucap ketika menyempurnakan Program Fasa Kedua SMUE kepada 140 orang waris warga emas yang meninggal dunia dari DUN Meru, Sungai Pinang dan Sementa



▶ Adun Chempaka, Iskandar Samad bersama waris peserta Skim Mesra Usia Emas Fasa Kedua. Setiap waris menerima RM1,500 Majlis berlangsung di Pusat Tarbiyah Pandan, Pandan Indah. Seramai 30 orang waris menerima pembayaran tersebut.





## KERAJAAN NEGERI SELANGOR

### KENYATAAN TENDER (TENDER TERBUKA)

Tender adalah dipelawa daripada perunding-perunding di Malaysia yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia, Lembaga Jurutera Malaysia dan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN)** dalam kod bidang dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja-kerja berikut:-

Tajuk	No. Tender	Syarat-syarat Pendaftaran	Harga Dokumen	Tarikh dan Masa Taklimat dan Lawatan Tapak
Perkhidmatan Perunding Bagi Kerja-kerja Mereka bentuk dan Menyelia Projek Penggantian Aset dan Menaik taraf Bagi Operasi Melebihi Kapasiti Reka bentuk di Loji Rawatan Air Sungai Langat	1863/51/4	1. Berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dan Lembaga Jurutera Malaysia mengikut kod bidang berikut dan tempoh pendaftaran masih sah: <ul style="list-style-type: none"> <li>i. 330101 (Kejuruteraan Awam);</li> <li>ii. 330103 (Kejuruteraan Elektrik); dan</li> <li>iii. 330104 (Kejuruteraan Mekanikal)</li> </ul> 2. Berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), bertaraf Sendirian Berhad dan tempoh pendaftaran masih sah; dan           3. Mempunyai kakitangan yang diiktiraf oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) sebagai 'Orang Yang Berkelayakan' (Qualified Person) bagi kod bidang 330101 (Kej. Awam), 330103 (Kej. Elektrik) dan 330104 (Kej. Mekanikal)	RM300.00 bagi setiap satu tender  (Tidak akan dikembalikan)	Jumaat <b>29hb Ogos 2014</b> <b>10.00 pagi</b> <b>(WAJIB)</b>  <b>Berkumpul di:</b> <b>Loji Rawatan Air</b> <b>Sungai Langat,</b> <b>Batu 10,</b> <b>Jalan Hulu</b> <b>Langat,</b> <b>Cheras</b>

2. Petender adalah **diwajibkan** menyertai taklimat yang akan diadakan pada **29hb Ogos 2014**. Petender dikehendaki untuk melaporkan diri dan menghadiri taklimat yang akan diadakan di Loji Rawatan Air Sungai Langat, Batu 10, Jalan Hulu Langat, Cheras. Petender-petender yang tidak menghadiri taklimat tidak layak untuk membeli Dokumen Tender.
3. Dokumen Tender boleh dibeli bermula pada **02hb September 2014** pada waktu pejabat di alamat:  
**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR,**  
**Seksyen Makro & Penswastaaan, Unit Perancang Ekonomi Negeri,**  
**Tingkat 16, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah,**  
**40503 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan**
4. Tarikh akhir penjualan Dokumen Tender adalah pada **15hb September 2014**. Dokumen Tender tidak akan dikeluarkan selepas dari tarikh tersebut.
5. Petender perlu mematuhi syarat-syarat yang terdapat dalam Arahan Kepada Petender. Kegagalan pihak petender untuk mematuhi syarat-syarat tersebut akan menyebabkan dokumen tender tidak akan dipertimbangkan.
6. Perunding hendaklah mempunyai pengalaman tidak kurang lima (5) tahun di dalam kerja-kerja reka bentuk dan menyelia pembinaan bagi menaik taraf dan membaik pulih skim bekalan air yang melibatkan kos projek tidak kurang dari RM30.0juta.
7. Dokumen Tender akan dikeluarkan kepada wakil-wakil Perunding yang sah sahaja. Untuk maksud ini, wakil-wakil Perunding hendaklah membawa sijil Pendaftaran Asal dan salinan sijil-sijil berikut (tempoh pendaftaran yang masih sah) semasa membeli dokumen tender, iaitu:-
  - i. Sijil pendaftaran dengan Lembaga Jurutera Malaysia bagi kod bidang 330101 (Kejuruteraan Awam), 330103 (Kejuruteraan Elektrik); dan 330104 (Kejuruteraan Mekanikal);
  - ii. Sijil pendaftaran dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), bertaraf Sendirian Berhad; dan
  - iii. Sijil pendaftaran bagi kakitangan yang diiktiraf oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) sebagai 'Orang Yang Berkelayakan' (Qualified Person) kod bidang 330101 (Kejuruteraan Awam), 330103 (Kejuruteraan Elektrik); dan 330104 (Kejuruteraan Mekanikal).
8. Bayaran untuk Dokumen Tender hendaklah dibuat dalam bentuk **Draft Bank** atau **Kiriman Wang** atas nama **Bendahari Negeri Selangor**. Bayaran tidak akan dikembalikan dan bayaran melalui tunai dan cek tidak diterima.
9. Dokumen Tender yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat berlakri dan Dokumen Tender yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berasingan dan berlakri dan ditandakan "**Cadangan Teknikal**" dan "**Cadangan Kos**" dan ditulis atas kiri sampul tajuk serta nombor tender dan dimasukkan ke dalam Peti Tender **sebelum atau pada pukul 12.00 tengahari 26hb September 2014**, di alamat:
 

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**Seksyen Makro & Penswastaaan, Unit Perancang Ekonomi Negeri**  
**Tingkat 16, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah**  
**40503 Shah Alam**  
**SELANGOR DARUL EHSAN**
10. Dokumen Tender yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.

## Berbasikal keliling Bandar Shah Alam



**Jaafar melepaskan peserta Program Berbasikal Kayuhan Santai mengelilingi Shah Alam sejauh 26 kilometer**

OLEH SYAZWANI SUFIAN

**SHAH ALAM** - Kira-kira 300 peserta bersama-sama Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) menyemarakkan Hari Kemerdekaan Ke-57 dengan Program Berbasikal Kayuhan Santai mengelilingi Shah Alam sejauh 26 kilometer.

Datuk Bandar MBSA, Datuk Mohd Jaafar Mohd Atan berkata, program dibuat bagi memupuk semangat perpaduan dan cintakan negara melalui kesungguhan pe-

nyertaan para peserta.

"Peserta akan mengelilingi sekitar pusat bandar raya Shah Alam dan berkunjung ke beberapa buah sekolah bagi menyerahkan bendera jalur gemilang.

"Program ini bukan sahaja menginginkan semangat kemerdekaan tetapi dapat menanam rasa tanggungjawab dalam memelihara dan cintakan negara secara berterusan," kata beliau sewaktu Majlis Penyerahan Bendera Malaysia.

Menurut beliau, turut dijemput kenderaan dan agensi kerajaan serta badan korporat di sekitar pusat bandar bagi mengedarkan Jalur Gemilang kepada orang ramai.

Antara agensi kerajaan dan badan korporat yang terlibat adalah Jabatan Kesihatan Negeri Selangor, Tenaga Nasional Berhad cawangan Shah Alam, Polis Diraja Malaysia, dan Hotel Grand Bluewave.

"Saya ingin menyeru setiap agensi kerajaan, sektor korporat, badan bukan kerajaan (NGO) dan pemilik premis agar bersama mengibarkan jalur gemilang.

"MBSA akan teruskan jadikan program ini sebagai program tahunan bagi menanam semangat patriotik, khususnya generasi muda," kata beliau.

**“**  
**Program ini bukan sahaja menginginkan semangat kemerdekaan tetapi dapat menanam rasa tanggungjawab dalam memelihara dan cintakan negara secara berterusan**

**MOHD JAAFAR MOHD ATAN**  
 Datuk Bandar MBSA





Mahasiswa KUIS gembira meraikan Hari Graduasi

## Lulus pinjaman mudah RM48.5 juta

OLEH LIZAWATI MADFA

**BANGI** - Kerajaan Negeri meluluskan pinjaman mudah bernilai RM48.5 juta kepada Kolej Universiti Islam Selangor (Kuis) bagi mengukuhkan institusi itu.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, berkata pinjaman diberikan khusus melancarkan pembangunan fasiliti termasuk menaik taraf fasiliti sedia ada serta pembinaan fasiliti baru.

Dengan itu, katanya, dapat memberi keselesaan dan kemudahan lebih baik kepada seluruh warga Kuis.

"Usaha ini harus diperhalusi dan digarap rapi semua warga Kuis agar ia mampu memacu Kuis ke arah universiti penuh bertaraf antarabangsa.

"Jaringan kerjasama akademik antara institusi dalam dan luar negara juga adalah penting dalam perkongsian maklumat demi kemajuan masa hadapan," katanya.

Beliau berkata demikian di hadapan hampir 1,610 graduan daripada pelbagai bidang di

Majlis Konvokesyen Kuis kali ke-17 di Pusat Konven-

syen Kuis baru-baru ini.

Turut hadir Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor (Mais), Datuk Mohammad Adzib Mohd Isa.

Abdul Khalid berkata, Kerajaan Negeri juga menyokong penuh penubuhan pusat zakat dan wakaf Kuis untuk membantu pelajar.

"Disarankan sidang hadirin membantu meningkatkan dana zakat dan wakaf Kuis demi kesesuaian dan kemudahan pendidikan pelajar di Kuis dalam membangunkan pendidikan mampan," katanya lagi.



Farah Nur Rashida Rosnan menerima Anugerah D.Y.M.M Sultan Selangor daripada Menteri Besar

## RM1.049 bilion untuk MES

**SHAH ALAM** - Sebanyak RM1.049 bilion sudah dibelanjakan Kerajaan Negeri setakat ini bagi menampung pelaksanaan agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) yang dilancarkan sejak 2008.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, berkata beliau berbangga dengan pencapaian kerajaan Selangor dalam menjayakan kesemua 17 program MES khusus kepada rakyat berpendapatan rendah tidak kira usia, agama mahupun fahaman politik.

Beliau berkata kejayaan, program MES didorong faktor kewangan Kerajaan Negeri Selangor yang memberangsangkan sehingga Mac lalu dengan Kumpulan Wang Disatukan berjumlah RM2.948 bilion.

"Lebih membanggakan kedudukan ri-

zab yang kuat ini dapat membiayai pembinaan Jambatan Ketiga Klang yang direka khas dengan mempunyai enam lorong merentas Sungai Klang dan melibatkan kos sebanyak RM300 juta.

"Dengan rizab ini juga kita dapat melancarkan Projek Rumah Selangorku di Ukay Indah, Sungai Sering yang menyediakan lebih banyak jenis rumah mampu milik dengan kos RM100 juta," katanya pada Majlis Perhimpunan Bulanan Jabatan Kerajaan Selangor di Dewan Jubli Perak, baru-baru ini.

Abdul Khalid berkata, sistem tender terbuka yang diamalkan sejak 2011 sejajar dengan amalan telus dan tanggungjawab dalam pentadbiran Selangor juga berjaya menjimatkan lebih RM303 juta.

### Gaya Hidup **Ekklusif**

**Rumah Berkembar 3 Tingkat**  
12 unit sahaja

**Rumah Sesebuah 3 Tingkat**  
1 unit sahaja

#### PEGANGAN BEBAS

- Kediaman rekabentuk moden dengan keluasan binaan yang memuaskan
- Densiti rendah
- Kamuniti berpagar & berpengawal dengan jalan masuk/keluar tunggal
- Berdekatan dengan pusat bandar dengan kemudahan-kemudahan membeli-belah berhampiran
- Akses mudah

Untuk pertanyaan, sila hubungi  
**03-9075 2640 / 016-221 3331**

**Pemaju**  
**LB Beringin Development Sdn Bhd**  
70-1, Jin Temenggung 17/9, Bandar Mahkota Cheras, 43200 Cheras, Selangor.  
GPS: 3d 04'8.04" N 101d 75' 28.30 E

Remaja: 8888888888888888 Sdn. Bhd. (82888888) • Lesen Pemaju: 12158-1/09-001/11/198 • Tempah Sah: 08/08/2012 hingga 04/09/2017 • Permit Pengiraan & Jurang: 131/00-1/2008/001/0001 • Tempah Sah: 14/09/2012 hingga 17/09/2012 • Jaminan Pelanggan: 08/08/2012 • Pihak Berkuasa Tempatan Yang Meluluskan: Majlis Perencanaan & Pengawalan Wilayah (MPP) 14/14/2012 • Bilangan Unit: Rumah Berkembar 3 Tingkat jenis RB1 - 2 unit, Rumah Berkembar 3 Tingkat jenis RB2 - 2 unit, Rumah Sesebuah 3 Tingkat jenis RS1 - 1 unit, Rumah Sesebuah 3 Tingkat jenis RS2, harga maksimum: RM 1,000,000.00. Maklumat: RM1,100,000.00 • Rumah Sesebuah 3 Tingkat jenis RS1, harga: RM 4,000,000.00 • Bilangan Bungkusan: 175 untuk jenis RB1 dan RB2 • Tarikh Pengiraan: 01/08/2014 • Semua gambar gambar dalam iklan adalah merupakan gambaran artistik sahaja.







# Tawar RM20,000 Program Kibar & 'Selfie' Jalur Gemilang MPSJ

OLEH SYAZWANI SUFIAN

**SHAH ALAM** - Sempena Sambutan Kemerdekaan ke-57, Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) menawarkan wang tunai RM20,000 dalam Kempen Kibar & 'Selfie' Jalur Gemilang bermula 20 Ogos hingga 16 September.

Kempen ini terbuka kepada seluruh warga Malaysia yang tinggal di kawasan pentadbiran MPSJ.

Melalui kempen ini, MPSJ menggalakkan orang ramai mengibarkan Jalur Gemilang di premis masing-masing.

Syaratnya gambar yang diambil tidak menyentuh sensitiviti kaum, agama dan budaya rakyat Malaysia. Setiap gambar akan diperiksa kesahihannya.

Pemenang akan dinilai berdasarkan kreativiti, slogan dan 'like' terbanyak di Instagram.

## BERMINAT?

Sertakan gambar 'selfie' beserta slogan dan 'hashtag' (#) kepada akaun instagram @mpsubangjaya

## PERTANYAAN?

Hubungi Encik Khairi atau Encik Syamim di talian  
**03-80264462/4037**

**JOM KIBAR & 'SELFIE' Jalur Gemilang MPSJ 2014**

Hadiah Berjumlah **RM 20,000** Bakal Dimenangi

**Bermula 20 OGOS 2014 Hingga 16 SEPT 2014**

Sertai Sekarang!

**EN. KHAIRI / EN. SYAMIM**  
03 8026 4462 / 4037  
www.mpsj.gov.my

**MALAYSIA**  
Di Sinilah Semua Bermula

**Syarat penyertaan**

- Penyertaan terbuka kepada seluruh warga Malaysia yang tinggal di kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Subang Jaya.
- Perlu sertakan gambar 'selfie' yang diambil berlatarbelakangkan bendera yang dipasang di premis masing-masing beserta slogan "Saya Sayang Malaysia Kerana..." (tidak melebihi daripada 20 patah perkataan) dan 'hashtag' #kibarmpsj2014 kepada akaun Instagram @mpsubangjaya.
- Gambar 'selfie' yang dihasilkan hendaklah tidak menyentuh sensitiviti kaum, agama dan budaya masyarakat.
- Pemenang akan dinilai berdasarkan gambar 'selfie' yang paling kreatif, slogan yang paling menarik dan 'like' terbanyak.
- Sebarang perbelanjaan kos penyertaan akan ditanggung sepenuhnya oleh peserta.
- Femilihan premis akan dilakukan bagi membuktikan gambar 'selfie' yang diambil adalah sama seperti mana yang diantar di dalam penyertaan.
- Keputusan pengadil adalah muktamad.

## Perkenal kaedah percukaian berimbang

**SHAH ALAM** - Majlis Bandaraya Paling Jaya (MBPJ) akan memperkenalkan kaedah Nilai Cukai bagi meningkatkan keberkesanan perancangan pembangunan dan proses perancangan belanjawan.

Datuk Bandar Datin Paduka Alinah Ahmad berkata MBPJ akan menyediakan satu pangkalan data merangkumi kesemua jenis perbelanjaan dan juga ramalan kutipan nilai cukai menerusi projek pembangunan yang telah diluluskan.

Usaha itu diambil memandangkan cukai sedia ada tidak seimbang kerana kutipan cukai lebih tinggi daripada kuantiti servis yang ditawarkan.

"Ini menunjukkan bahawa samada perbelanjaan telah bertambah disebabkan infrastruktur perlu dinaiktaraf ataupun nilai cukai kekal ataupun berkurangan disebabkan potensi nilai masih belum direalisasikan," jelasnya.

Nilai cukai merupakan kutipan hasil daripada sumber cukai yang dikenakan oleh PBT ke atas pemilik hartanah berlandaskan kepada Akta 171, Akta Kerajaan Tempatan.

Kajian awal mendapati nilai cukai per ekar sehingga 30 Jun 2013 adalah RM8,524.00 manakala nilai cukai per

unit pegangan adalah RM926.94. Hampir 44% daripada nilai cukai MPBJ berpunca daripada gunatanah komersial.

Dari segi lokasi geografi nilai cukai di kawasan SS adalah 28% lebih tinggi daripada kawasan PJU. Nilai cukai seunit bagi pangsapuri servis adalah 35% lebih tinggi daripada kediaman bertingkat.

Dari segi perbelanjaan per ekar bagi servis asas bandar pula, sebanyak 15 kawasan kejiranan ataupun 23% mendapat peruntukan melebihi RM100,000 se ekar, iaitu 31% lebih tinggi daripada purata perbelanjaan bagi seluruh kawasan MBPJ.

"Data tersebut bukan lagi eksklusif menggambarkan senario yang tepat, namun kejituannya adalah mema-

dai demi memberi satu gambaran indikatif ke atas perbelanjaan yang diperuntukkan dan diberikan oleh MBPJ kepada setiap kawasan kejiranan dalam bidang perkhidmatan 'back to basic' seperti yang dikehendaki Kerajaan Negeri.

"Seiring itu, saya berpandangan angka indikatif awalan ini menunjukkan bahawa Majlis mempunyai satu peluang yang besar bagi meninjau kadar baru cukai yang lebih menggambarkan senario semasa dan yang saksama," jelasnya.



**Alinah Ahmad**

## Pasar Raya AGRO beroperasi di PJ

**SHAH ALAM** - Sebuah pasar raya agro menjual barangan segar keluaran peladang dan usahawan tani akan diwujudkan di Petaling Jaya sebagai sebahagian program Jihad Memerangi Orang Tengah.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, pasar raya terbabit dijangka memulakan operasi pada November ini akan mampu menjual barangan bagi keperluan orang ramai pada harga lebih murah.

"Pasar raya itu akan jual produk segar seperti ayam, daging, bawang, rempah ratus, buah-buahan dan sayur-sayuran hasil ladang terus daripada petani dan peladang tanpa guna orang tengah.

"Maka sebab itu harganya akan lebih murah," katanya dipetik Sinar Harian.

Beliau berkata, usaha mewujudkan pasar raya agro itu adalah hasil inisiatif Pertubuhan Peladang Kebangsaan Malaysia (Nafas) dan akan dibangunkan di aras satu bangunan pejabat operasi baharu pertubuhan itu, di Kota Damansara.

"Tingkat bawah bangunan pejabat Nafas yang baharu ini akan diubah suai terlebih dahulu untuk menempatkan pasar raya agro dan pusat pengumpulan dan pengedaran. Ia dijangka siap da-

“

**Pasar raya itu akan jual produk segar seperti ayam, daging, bawang, rempah ratus, buah-buahan dan sayur-sayuran hasil ladang terus daripada petani dan peladang tanpa guna orang tengah**

### ISMAIL SABRI

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani

lam tempoh dua bulan dan proses pengubahsuaian ini akan menelan belanja kira-kira RM5 juta," katanya dalam sidang media selepas menyaksikan Majlis Menandatangani Perjanjian Nafas dan Agrobank di Kota Damansara.

Hadir sama, Pengerusi Ahli Lembaga Pengarah Nafas, Datuk Seri Saipolbahari Suib dan Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Datuk Wan Mohd Fadzmi Wan Othman. Agrobank membiayai RM58 juta kepada Nafas untuk membeli bangunan tiga tingkat baharu itu.



# Pesta Buku Selangor setiap hari 29 Ogos hingga 8 September

OLEH MARNIZA OTHMAN

**SHAH ALAM** - Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) mengadakan Pesta Buku Selangor mulai 29 Ogos hingga 8 September ini.

Bermula dari jam 10 pagi hingga 9 malam dan bertempat di Pusat Konvensyen Shah Alam (SACC), pesta buku selama 11 hari itu melibatkan 80 pempamer dan 155 unit gerai buku mengambil bahagian termasuk Karangkrif, Al-Hidayah dan sebagainya.

Pengarah PPAS, Mastura Muhamad berkata, pelbagai acara menarik disusun sepanjang pesta termasuk acara 'busking' oleh 10 pemuzik, selain sesi cabutan bertuah.

"Saya mengharapkan semua pengunjung hadir dan tidak melepaskan peluang untuk menyertai pesta kali ini.

Pesta Buku Selangor 2014 mendapat kerjasama jabatan kerajaan dan sektor swasta seperti Jabatan Pelajaran Selangor, Jabatan Agama Islam Selangor, Majlis Bandaraya Shah Alam dan Kumpulan Media Karangkrif.

**2014 PESTA BUKU SELANGOR**

**29 Ogos - 8 September 2014**

**10 pagi - 9 malam**  
**10 pagi - 10.30 malam**  
(Sabtu dan Ahad)

**SACC Shah Alam**

**www.pestabukuselangor.my**  
**603 5519 7667**

**BELI DAN MENANG!**

Dengan pembelian satu resit RM30 dan ke atas, pengunjung layak memenangi Mini iPad melalui cabutan bertuah pada jam 6.30 petang setiap hari

## SYABAS kini di hujung jari, kemudahan jimatkan masa pengguna

**SHAH ALAM** - Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (Syabas) menyediakan Portal Perkhidmatan Pengguna Atas Talian (Online Consumer Service Portal - OCSP) untuk kemudahan pengguna berurusan dengan Syabas.

Pengurus Besar Jabatan Komunikasi Korporat Syabas, Priscilla Alfred berkata, perkhidmatan ditawarkan meliputi permohonan bekalan air baru, perkhidmatan pertukaran hak-milik atau permohonan semula bekalan air.

Kemudahan turut disediakan adalah penutupan akaun serta pemulangan deposit kepada pemegang akaun, membuat aduan, akses kepada berita terkini mengenai bekalan air dan infomasi berkenaan gangguan bekalan air.

Selain itu, OCSP juga bakal dapat diakses melalui telefon pintar oleh pengguna apabila pembangunan applikasi ini disempurnakan sedikit masa lagi.

"Dengan kerjasama institusi perbankan serta syarikat lain, pelbagai saluran interaktif dibangunkan Syabas didapati berkesan dalam memberi kemudahan kepada pengguna untuk berurusan dengan Syabas.

"Sehingga kini, jumlah insti-

tusi bank dan ejen kutipan yang bekerjasama dengan Syabas meningkat kepada 17 buah institusi bank.

"Antara 11 ejen kutipan berdaftar dengan Syabas pula meliputi kemudahan membuat bayaran di kaunter-kaunter bayaran dan servis, khidmat pesanan ringkas (SMS), dua ejen kiosk serta kedai-kedai yang tersenarai," kata beliau dalam satu kenyataan media, baru-baru ini.

Dengan pelbagai saluran alternatif yang diwujudkan pengguna mampu mengurangkan keperluan melakukan urusan bekalan air di kaunter perkhidmatan Syabas.

### LEBIH MUDAH DAN JIMAT!

Layari [www.syabas.com.my](http://www.syabas.com.my) untuk OCSP atau untuk mendapatkan senarai ejen kutipan dan kiosks rasmi sah berdaftar dengan SYABAS

Pengguna hanya perlu mengisi borang elektronik dan menyerahkan kepada SYABAS untuk tindakan lanjut

## MPK buka kaunter perbaharui lesen 2015

**SHAH ALAM** - Majlis Perbandaran Klang (MPK) akan membuka kaunter pembaharuan lesen perniagaan dan iklan bagi tahun depan bermula 2 September hingga 31 Disember ini.

Pengarah Jabatan Komunikasi dan Pengaduan Awam MPK, Norfiza Mahfiz berkata, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) itu akan membuka kaunter di beberapa lokasi terpilih bagi memudahkan orang ramai berurusan dengan mereka.

"Antara lokasi berkenaan ialah di GM Klang, Shaw Centrepoint, Centro, Kompleks Giant Hyper Market, Bukit Raja, Jaya Jusco Bukit Tinggi, Tesco Bukit Tinggi, Harbour Place dan Klang Parade.

"Semua lesen boleh diperbaharui pada waktu itu kecuali beberapa lesen antaranya Rumah Urut dan Refleksologi, Hiburan, Pusat Siber, Besi Buruk, Premis Makanan, Tadika dan Kilang Tanpa Izin. Semua lesen dikecualikan itu hanya boleh diperbaharui pada waktu

pejabat sahaja dan orang ramai boleh datang ke kaunter pada hari bekerja," katanya dalam kenyataan kepada Selangor-Kini.

Selain daripada itu, Norfiza berkata, kaunter juga akan dibuka pada hari Sabtu dan Ahad.

Katanya, pihak berkaitan boleh menyemak jadual di laman sesawang MPK atau facebook Saluran Komunikasi MPK-Klang untuk mengetahui waktu dan hari bagi pembayaran di situ.

## Sambutan serentak Merdeka, Aidilfitri, manakala Hari Belia 31 Ogos

**SHAH ALAM** - Sambutan Ulang Tahun Kemerdekaan kali ke-57 akan dianjurkan Kerajaan Selangor pada Sabtu ini bermula jam 8.00 malam di Dataran Kemerdekaan, Shah Alam.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, berkata selain sambutan Kemerdekaan, Kerajaan Negeri turut mengambil peluang menganjurkan Rumah Terbuka Aidilfitri yang sepatutnya berlangsung 1 Syawal lalu

tetapi dibatalkan susulan tragedi pesawat MH17.

Katanya sambutan berkenaan turut dipanjangkan hari berikutnya dengan penganjuran Hari Belia Peringkat Negeri Selangor di lokasi sama pada 31 Ogos.

"Pelbagai acara diatur bagi meraikan Ulang Tahun Kemerdekaan ke-57 seperti kawad perbarisan yang disertai agensi-agensi kerajaan, anak-anak syarikat dan Pihak Berkuasa Tem-

patan (PBT), badan beruniform, pelajar sekolah dan badan bukan kerajaan (NGO).

"Manakala bagi sambutan Hari Belia, acara menarik yang disediakan adalah seperti sambutan Ulang Tahun Kereta Mini ke-55, pameran motor, sukan lasak dan sebagainya," katanya pada sidang media selepas Mesyuarat Exco di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK), baru-baru ini.





# Citta Mall anjur Pesta Tanglung

**ORANG** ramai dijemput memeriahkan Perarakan Tanglung 6 September depan di pusat membeli-belah Citta Mall, Ara Damansara.

Bukan itu sahaja, 1000 tanglung percuma juga diberikan 1000 pengunjung terawal yang datang memeriahkan festival tanglung Citta Mall itu.

Perakakan itu adalah satu daripada pelbagai aktiviti menarik yang disediakan sepanjang sambutan Pesta Tanglung sehingga 8 September depan.

Pelbagai aktiviti menarik menanti pengunjung terutamanya kanak-kanak antaranya pertandingan mewarna pada 6 September nanti.

Berminat sertai perarakan itu? Pembaca boleh mendaftar di September <https://www.facebook.com/CITTMallAraDamansara> atau kaunter pertanyaan Citta Mall pada 4 September ini.

Hubungi Citta Mall ditalian 01-76625000 atau layari [www.citta.com.my](http://www.citta.com.my) untuk pertanyaan lanjut.

WAKTU SOLAT SELANGOR							
29 OGOS - 5 SEPTEMBER 2014							
3 ZULKAEDA - 10 ZULHIJAH 1435H							
Gombak, Hulu Selangor, Rawang, Hulu Langat, Sepang, Petaling, Shah Alam							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
29 Jumaat	5:42	5:52	7:09	1:17	4:27	7:22	8:32
30 Sabtu	5:42	5:52	7:09	1:17	4:26	7:26	8:31
31 Ahad	5:42	5:52	7:09	1:16	4:25	7:25	8:31
01 Isnin	5:42	5:52	7:09	1:16	4:24	7:24	8:30
02 Selasa	5:42	5:52	7:08	1:16	4:23	7:23	8:30
03 Rabu	5:41	5:51	7:08	1:16	4:22	7:22	8:29
04 Khamis	5:41	5:51	7:08	1:15	4:21	7:21	8:29
05 Jumaat	5:41	5:51	7:08	1:15	4:20	7:20	8:28
Sabak Bernam, Kuala Selangor, Klang, Kuala Langat							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
29 Jumaat	5:44	5:54	7:11	1:19	4:29	7:24	8:34
30 Sabtu	5:44	5:54	7:11	1:19	4:28	7:23	8:33
31 Ahad	5:44	5:54	7:11	1:18	4:27	7:23	8:33
01 Isnin	5:44	5:54	7:10	1:18	4:26	7:23	8:32
02 Selasa	5:43	5:53	7:10	1:18	4:25	7:22	8:32
03 Rabu	5:43	5:53	7:10	1:18	4:24	7:22	8:31
04 Khamis	5:43	5:53	7:10	1:17	4:23	7:21	8:31
05 Jumaat	5:43	5:53	7:10	1:17	4:22	7:21	8:30



## MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA KENYATAAN TENDER KERJA

Tawaran adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PKK) oleh CIDB, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) oleh CIDB dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Selangor dalam bidang atau Gred, Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja-kerja berikut:

BUTIR-BUTIR TAWARAN	TARAF TENDER & SYARAT-SYARAT PENDAFTARAN	LAWATAN TAPAK (TARIKH DAN TEMPAT TAKLIMAT)	TARIKH DAN TEMPAT DOKUMEN DIJUAL	TARIKH, WAKTU DAN TEMPAT TAWARAN TUTUP
1 NO TENDER: MPAJ 05/E/02/04-356/14  CADANGAN KERJA-KERJA MENURAP SEMULA JALAN SERTA KERJA-KERJA YANG BERKAITAN DI JALAN KOSAS 3/4, JALAN KOSAS 3/6, JALAN KOSAS 3/7, JALAN KOSAS 3/8, JALAN KOSAS 3/9, JALAN KOSAS 3/10, JALAN KOSAS 3/12 DAN JALAN KOSAS 3/15, TAMAN KOSAS, AMPANG SELANGOR DARUL EHSAN.	KOD BIDANG BARU : BERDAFTAR DENGAN CIDB GRED G3 & KATEGORI PEMBINAAN KEJURUTERAAN AWAM (CE) & PENGKUSUSAN CE01 & CE21 & BERDAFTAR DENGAN SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN (SPKK) OLEH CIDB & PERAKUAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR (PKK) OLEH CIDB & UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI SELANGOR (UPEN)	Taklimat dan Lawatan tapak. (Kehadiran adalah diwajibkan)  TAKLIMAT : TARIKH : 02/09/2014 (SELASA) MASA : 9.00pagi TEMPAT : GALERI ARAS 4, MPAJ	Mulai : 03/09/2014 (RABU) Jam : 9.00 PAGI Bahagian Ukur Bahan Majlis Perbandaran Ampang Jaya, Tingkat 16 Menara MPAJ, Jalan Pandan Utama, Pandan Indah, Selangor 55100, Kuala Lumpur  Nota: Petender dikehendaki membawa Sijil Pendaftaran ASAL :	TARIKH TUTUP: 12/09/2014 (JUMAAT)  Aras 4 Menara MPAJ Jalan Pandan Utama, Pandan Indah, Selangor 55100, Kuala Lumpur
2 NO TENDER: MPAJ 05/E/02/04-357/14  CADANGAN KERJA-KERJA MENURAP SEMULA JALAN SERTA KERJA-KERJA YANG BERKAITAN DI LORONG BAHAGIA 1,2,3,4,5, JALAN PANDAN LUAS, LORONG LUAS 1,2,3,4, JALAN PANDAN CANTIK, LORONG CANTIK 1,2,3,4 DAN 5, KAMPUNG PANDAN DALAM AMPANG SELANGOR DARUL EHSAN.	BERDAFTAR DENGAN SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN (SPKK) OLEH CIDB & PERAKUAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR (PKK) OLEH CIDB & UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI SELANGOR (UPEN)	LAWATAN TAPAK: Akan diberitahu pada masa taklimat dijalankan  Nota: Dokumen tender hanya akan dijual kepada kontraktor yang menghadiri taklimat dan lawatan tapak sahaja.	membawa Sijil Pendaftaran ASAL : 1) Lembaga Pembangunan Pembinaan Malaysia (CIDB) 2) Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PKK) oleh CIDB 3) Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) oleh CIDB 4) Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) 5) Surat Perwakilan Kuasa serta satu salinan pendua sijil berkenaan semasa membeli dokumen tender.	
3 NO TENDER: MPAJ 05/E/02/04-358/14  CADANGAN KERJA-KERJA PEMBAIKAN JALAN MELIBATKAN KERJA-KERJA 'MILL ANDA PAVE' DAN MENURAP SEMULA JALAN SERTA KERJA-KERJA YANG BERKAITAN DI JALAN KERJA AIR LAMA, LORONG KOLAM AIR 1 DAN LORONG KOLAM AIR 2, AMPANG SELANGOR DARUL EHSAN.	UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI SELANGOR (UPEN)			

- Setiap dokumen tender dijual dengan harga **RM 100.00**. Wang pembayaran tidak akan dikembalikan.
- Dokumen Meja Tawaran dipamerkan mulai **03 SEPTEMBER 2014** di **Bahagian Ukur Bahan Tingkat 16**, Jalan Pandan Utama, Pandan Indah Selangor 55100 Kuala Lumpur pada waktu pejabat.
- Petender hendaklah menunjukkan Sijil Pendaftaran Asal **SEPERTI DISYARATKAN** sebelum dibenarkan membeli dokumen tender dan menyerahkan satu salinan sijil berkenaan.
- Bayaran dalam bentuk Wang Tunai / Deraf Bank di buat atas nama **YANG DI PERTUA MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**.
- Dokumen Tender yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam **SAMPUL SURAT YANG DIGAM ATAU BERPELEKAT** yang tertulis nombor tender di sudut kiri bahagian atas dan dimasukkan ke dalam Peti Tender seperti tertera diatas.
- Petender yang tidak mendapat apa-apa jawapan selepas 3 bulan dari tarikh tutup tawaran adalah dianggap tidak berjaya.
- Tarikh akhir penjualan Dokumen Tender adalah pada **12 SEPTEMBER 2014**. Dokumen Tender tidak akan dikeluarkan selepas dari tarikh tersebut. Sebarang pertanyaan sila hubungi **BAHAGIAN UKUR BAHAN** di talian 03-4297 4424 dan 03-4296 3695.
- Wakil yang hadir ke lawatan tapak, **SATU** nama mewakili **SATU** syarikat
- Petender diwajibkan membawa **COP SYARIKAT** semasa menghadiri taklimat dan lawatan tapak.





## RM96 juta diperuntuk kepada SAR, SJKT & SJKC sejak 2008

OLEH NAZLI IBRAHIM

**KLANG** - Kerajaan Selangor sudah membelanjakan sejumlah RM96 juta bagi peruntukan sumbangan kepada Sekolah Agama Rakyat (SAR), Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) Tamil, SJK Cina dan sekolah persendirian Cina sejak 2008.

Exco Pendidikan dan Pendidikan Tinggi; Pembangunan Modal Insan, Dr Halimah Ali berkata, peruntukan ini diadakan secara tetap setiap tahun dan bukan apabila menjelang pilihan raya seperti mana amalan Barisan Nasional (BN).

"Kita faham dalam perlembagaan, ibu bapa diperuntukkan hak untuk menghantar anak mereka ke sekolah yang



**Kerajaan Selangor membuat satu keputusan memberi sumbangan kepada sekolah-sekolah ini yang sebelumnya tidak diambil kira, tidak dapat peruntukkan khas Kementerian Pendidikan Malaysia**

**DR HALIMAH ALI**  
Exco Pendidikan

mereka pilih sama ada Tiong Hua, Tamil atau pun Sekolah Agama Rakyat.

"Kerajaan Selangor membuat satu keputusan memberi sumbangan kepada sekolah-sekolah ini yang sebelumnya tidak diambil kira, tidak dapat peruntukkan khas Kementerian Pendidikan Malaysia," kata Dr Halimah di Majlis Penyampaian Bantuan Kewangan Ke-

pada Sekolah-sekolah Persendirian Cina Negeri Selangor 2014 yang diadakan di Sekolah Menengah Chung Hua, baru-baru ini.

Bantuan kewangan berjumlah RM2 juta untuk empat buah sekolah persendirian itu disampaikan Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim di hadapan kira-kira 1,000 bekas pelajar sekolah berkenaan.

Selain Abdul Khalid dan Dr Halimah, majlis yang penuh meriah itu juga dihadiri Exco Belia, Sukan, Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Dr Ahmad Yunus Hairi.

Setiap tahun Kerajaan Negeri memperuntukkan RM4 juta untuk SJK Tamil dan SJK Cina, RM6 juta untuk Sekolah Agama Rakyat dan RM2 juta untuk sekolah persendirian Cina.

### Peruntukan pendidikan sejak 2008

Aliran	Jumlah	Dana
SAR	250	RM36 juta
SJKC	108 + 4 (swasta)	RM36 juta
SJKT	97	RM25 juta

## Rakyat diseru Solat Minta Hujan

**SHAH ALAM** - Kerajaan Negeri melalui Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) dan Jabatan Mufti Selangor akan mengadakan Solat Istisqa' di tujuh empangan di negeri ini, agar limpahan hujan diturunkan di semua kawasan empangan dan tadahan.

Solat dan doa itu diadakan secara serentak pada jam 9 pagi, 5 September depan di semua lokasi empangan termasuk di peringkat masjid di Selangor dan Wilayah Persekutuan, lapor Sinar Harian.

Pengarah Jais, Ahmad Za-

harin Mohd Saad berkata, masyarakat disaran mengambil sikap proaktif untuk melakukan Solat Istisqa' di peringkat masing-masing sebagai tanda kebersamaan dengan agenda yang dilakukan Kerajaan Negeri Selangor.

Menurutnya, Mufti Selangor, Datuk Mohd Tamyez Abdul Wahid akan mengimamkan solat istisqa' di Empangan Sungai Selangor.

Masyarakat Islam diseru meluangkan masa bersama-sama menyertai Solat Istisqa' di empangan yang berhampiran.



*Jemputan*

**Majlis Rumah Terbuka**  
**Aidilfitri**

**YAB. Dato' Menteri Besar Selangor**  
& Sambutan

**Hari Kemerdekaan ke - 57**  
**Peringkat Negeri Selangor 2014**

**Masa : 8.00 - 10.00 malam**  
**Tempat : Dataran Kemerdekaan Shah Alam**  
**Tarikh : 30 Ogos 2014 (Sabtu)**

Dengan Kerjasama:



**Orang ramai dijemput hadir**